



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**MENGENAI AKTIVITI PENCEROBOHAN DI HUTAN SIMPAN DARA
TERENGGUN, PAHANG DARUL MAKMUR.**

13 OGOS 2016

Merujuk kepada artikel berita yang dipaparkan dalam akhbar Kosmo baru-baru ini mengenai aktiviti pencerobohan di Hutan Simpan Dara Terenggun, saya telah arahkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPP) untuk mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang sewenang-wenang menceroboh khazanah hutan negara.

Pencerobohan tersebut melibatkan 2 kompartmen di Hutan Simpan Terenggun, Daerah Kuala Lipis, Pahang. Syarikat tersebut telah diberikan permit bagi tujuan kajian mineral bagi tempoh 1 Ogos 2015 - 31 Oktober 2015.

Berdasarkan siasatan JPP, pihak syarikat telah membuat jalan hutan pada bulan November 2015 sepanjang 3 km dan telah menebang 4 batang pokok tanpa kebenaran. Ini menunjukkan pihak syarikat tidak mengendahkan undang-undang sedia mengenai pencerobohan hutan.

Pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah menahan pihak syarikat atas kesalahan tersebut dan menyita jentera-jentera terlibat.

Sejak tamat tempoh kajian tersebut, Jabatan Perhutanan Pahang tidak lagi mengeluarkan permit memasuki hutan simpan kekal kepada syarikat tersebut.

Perkara yang dibangkitkan didalam akhbar KOSMO ini adalah dalam pengetahuan Jabatan Perhutanan Pahang dan ianya merupakan satu insiden yang telah diambil tindakan oleh penguatkuasaan oleh Jabatan Perhutanan Pahang.

Pada masa ini, Jabatan Perhutanan Pahang terus memantau rapi lokasi berkenaan.

Saya memberi amaran keras sekiranya didapati mana-mana individu atau syarikat yang melakukan aktiviti pencerobohan hutan maka tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau syarikat terbabit mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.